

27 JAN 2003

NAM-AMAN (Bergambar)

AMAN MALAYSIA MASIH TUNGGU JAWAPAN DARI SEKRETARIAT NAM

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (AMAN Malaysia) masih menunggu maklumat balas dari Sekretariat Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 sama ada mereka akan dibenarkan menghantar seorang wakil untuk bercakap dengan kesemua 114 pemimpin kerajaan yang menghadiri sidang itu.

Penyelarasnya, Zulkifli Alwi berkata Aman Malaysia berharap permintaan mereka itu dapat dipertimbangkan kerana ia bukanlah untuk menghantar wakil semata-mata tetapi lebih kepada memberikan input bernas yang boleh difikirkan bersama oleh pemimpin-pemimpin yang hadir.

"Kami telah memohon kepada Sekretariat NAM agar kami diberikan satu slot ketika persidangan itu untuk membolehkan wakil AMAN Malaysia membentangkan sebuah memorandum mengenai keamanan sejagat," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat perwakilan dari Indonesia di sini hari ini.

Perjumpaan dengan Presiden Dewan Pemuda Bangka Belitung, Johan Murod dan Speaker Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Daerah Propinsi Bangka Belitung, Indonesia H.Emron Pangkapi itu berlangsung di pejabat Sekretariat AMAN Malaysia.

Bagaimanapun, beliau yakin permintaan AMAN Malaysia akan diberikan pertimbangan sewajarnya memandangkan Malaysia merupakan tuan rumah sidang kemuncak kali ini.

Katanya apa yang penting ialah input yang ingin disampaikan melalui memorandum itu yang turut akan diserahkan oleh AMAN Malaysia kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi NAM pada 23 Feb semasa Perhimpunan Rakyat dan Konsert Keamanan di Dataran Merdeka.

"Harapan kita ialah input dari memorandum itu akan juga dibincangkan sebagai pertimbangan untuk dimasukkan ke dalam Deklarasi Kuala Lumpur," kata Zulkifli.

Deklarasi Kuala Lumpur dijangka dikeluarkan pada akhir Sidang Kemuncak NAM ke-13 selaku resolusi yang dicapai oleh kesemua pemimpin dunia yang hadir.

AMAN Malaysia merupakan gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sehingga ini dianggotai kira-kira 445 NGO dari pelbagai lapangan termasuk agama, politik, profesional, belia dan pasukan beruniform.

Ia ditubuhkan pada 3 Jan lepas dengan matlamat menggerakkan rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang untuk bersama-sama menyuarakan hasrat mewujudkan keamanan dunia yang menyeluruh, berkekalan dan adil.

Aman Malaysia dinaungi oleh Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Untuk berita-berita NAM yang lain, sila layari [www.nam2003.com](http://www.nam2003.com)

-- BERNAMA

RBZ AHH ROS